



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 4/2025 (Pindaan No. 1)

MENTERI KEWANGAN melalui perenggan 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran cukai perkhidmatan **berkuat kuasa 1 Julai 2025** bagi –

PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Kumpulan M, Jadual Pertama
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PENGECEUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	Pengecualian daripada dikenakan tindakan kompaun, pendakwaan dan penalti sehingga 31 Disember 2025 bagi kesalahan berikut: (a) lewat daftar (b) lewat hantar penyata (c) lewat bayar (d) tersilap ikrar (terkurang ikrar & terkurang bayar) (e) apa-apa kesilapan yang berkaitan dengan invois, nota kredit atau nota debit	(a) Kesalahan terlibat dikesan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) atau syarikat membuat pengakuan atau pengikraran sukarela ke atas kesalahan terlibat. (b) Pengecualian tidak terpakai bagi kesalahan frod atau kesalahan yang disengajakan. (c) Permohonan remisi penalti perlu dibuat kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengikut prosedur yang ditetapkan. <i>* Sila rujuk paparan dalam ruang pengumuman di portal MySST.</i>
2.	Caj atau yuran yang dikecualikan cukai perkhidmatan dinyatakan seperti di LAMPIRAN A	Tiada.



LAMPIRAN A

**CAJ ATAU YURAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN YANG DIKECUALIKAN
CUKAI PERKHIDMATAN**

A. BUTIRAN 1, KUMPULAN M

1. Caj buku;
2. Caj uniform;
3. Caj makanan dan minuman;
4. Caj pengangkutan;
5. Caj penginapan;
6. Yuran deposit yang bukan sebahagian daripada yuran pengajian dan boleh dikembalikan;
7. Yuran Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG);
8. Yuran lawatan sambil belajar ke dalam atau luar negara yang bukan merupakan sebahagian daripada yuran pengajian; atau
9. Caj pas pelajar atau visa.

B. BUTIRAN 2 & 3, KUMPULAN M

1. Caj buku;
2. Caj penginapan;
3. Caj pengangkutan;
4. Caj makanan atau minuman;
5. Yuran deposit yang bukan sebahagian daripada yuran pengajian dan boleh dikembalikan;
6. Yuran lawatan sambil belajar ke dalam atau luar negara yang bukan merupakan sebahagian daripada yuran pengajian; atau
7. Caj pas pelajar atau visa.



Tanggungjawab Penyedia dan Penerima Perkhidmatan:

1. Mana-mana penerima perkhidmatan yang diberi pengecualian cukai perkhidmatan didapati tidak mematuhi syarat-syarat pengecualian yang ditetapkan atau tidak layak mendapat pengecualian, cukai perkhidmatan akan dikenakan dan dikehendaki untuk dibayar serta-merta.
2. Penyedia perkhidmatan (orang berdaftar) bertanggungjawab untuk mengikrar nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada penerima perkhidmatan yang layak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan dalam penyata SST-02 iaitu di ruang 18c (Jumlah Nilai Perkhidmatan Bercukai Yang Dikecualikan).
3. Penyedia perkhidmatan (orang berdaftar) hendaklah memastikan invois yang dikeluarkan hendaklah mematuhi kehendak peraturan 10, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Rekod transaksi seperti invois, resit dan nota debit/ kredit yang melibatkan pengecualian cukai perkhidmatan hendaklah disimpan selama 7 tahun dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Rekod ini hendaklah dikemukakan kepada pegawai JKDM apabila diminta bagi tujuan audit, verifikasi atau siasatan.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA